

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR untuk** menyatakan jumlah penguatkuasaan yang telah dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar dari 1 Januari 2021 sehingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memperkasa jentera penguatkuasaan JAS.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah komited untuk melaksanakan penguatkuasaan kepada punca-punca pencemaran berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan pematuhan berterusan oleh sektor-sektor yang berkaitan.

2. Bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 15 Oktober 2021, JAS telah menjalankan 17,033 pemeriksaan ke atas premis-premis yang tertakluk kepada AKAS 1974 di seluruh negara. Hasil daripada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 6,736 tindakan tegas di bawah AKAS 1974 yang merangkumi 1,421 Notis Arahan, 4,918 kompaun, 134 Penahanan Operasi Kelengkapan, 2 Perintah Larangan, 13 Gantung Lesen dan sebanyak 248 Kertas Siasatan telah dibuka.

3. Sebagai perbandingan, bagi tempoh sama pada tahun 2020, 17,049 pemeriksaan telah dijalankan dan 8,498 tindakan telah dikenakan (2,254 Notis Arahan, 6,034 Kompaun, 94 Penahanan Operasi Kelengkapan, 18 Perintah Larangan, 22 Gantung Lesen dan 76 Kertas Siasatan).

4. Kementerian juga akan terus mengambil inisiatif untuk memperkasakan jentera penguatkuasaan JAS, antaranya melalui:

- (i) menambahbaik dan mengukuhkan AKAS 1974 secara berfasa termasuk memberi fokus kepada elemen kompaun, penalti dan standard bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil ke atas pelaku dan pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar;
- (ii) meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa

SOALAN NO. : 44

Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi melalui pelaksanaan operasi bersepadu, perkongsian maklumat dan pengurusan aduan alam sekitar yang lebih berkesan. Antara inisiatif yang digerakkan Kementerian adalah Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM);

- (iii) memastikan peruntukan mencukupi disediakan untuk perolehan berkaitan logistik seperti peralatan persampelan, kenderaan dan kelengkapan pelindung diri (*Personel Protective Equipment - PPE*) bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan di lapangan dapat berjalan lancar;
- (iv) pembangunan modal insan secara berterusan melalui pelaksanaan program-program latihan teknikal secara norma baharu; dan
- (v) memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui program rondaan secara berkala termasuk di luar waktu pejabat dan penggunaan *drone* di kawasan tumpuan pencemaran. Selain itu, JAS juga mengambil pendekatan *smart enforcement* melalui penguatkuasaan secara *desktop* menggunakan sistem-sistem pelaporan atas talian JAS seperti *Electronic Schedule Waste Information System (ESWIS)*, *Online Environmental Reporting (OER)*, *Sistem Environmental Mainstreaming Tools (EMAINS)*, *Integrated Remote Monitoring System (iRemote)* dan *Continuous Emission Monitoring System (CEMS)*.

Sekian, terima kasih.